

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1987/88

PLG 425 - Penyelidikan Pendidikan

Tarikh: 31 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari.  
(3 jam)

Jawab TIGA soalan sahaja.

Jawab SOALAN 1 atau SOALAN 2 dari Bahagian A. Pilih DUA soalan lagi daripada soalan-soalan 3, 4, 5 dan 6 dari Bahagian B.

Semua jawapan mestilah mempunyai nilai kesahihan yang tinggi dan mudah difahami.

BAHAGIAN A

Pilih SOALAN 1 atau Soalan 2.

1. Anda telah diarah untuk menjalankan satu kajian tindakan (penyelidikan tindakan) tentang kelemahan kemahiran-kemahiran tertentu di sekolah menengah tempat anda mengajar dan mengenalpasti sebab-sebab mereka lemah dalam kemahiran-kemahiran tersebut. Hasil daripada kajian ini pihak sekolah ingin menyediakan kelas tambahan dan kelas pemulihan.

Pilih satu kaedah atau metodologi yang sesuai seperti kaedah yang telah diutarakan Comstock, Freire atau pun lain-lain kaedah yang bertujuan untuk membaiki atau mengatasi masalah yang terdapat di sekolah anda. Bagi kaedah atau metodologi penyelidikan yang dipilih huraikan:

- (a) Pemasalahan Kajian
- (b) Prosedur yang hendak dilaksanakan untuk menjalankan kajian tersebut.
- (c) Tindakan atau keputusan yang hendak diambil berdasarkan dapatan-dapatan yang diperolehi dari kajian tersebut.

(40 markah)

...2/-

2. (a) Jelaskan langkah-langkah untuk menyediakan soalselidik hingga ke peringkat pra-ujian ataupun ujian perintis.

Dalam penjelasan anda terangkan juga maksud dan tujuan ujian perintis atau pra-ujian yang mempunyai kaitan dengan persediaan soalselidik.

- (b) (i) Katakanlah keputusan penganalisan ujian perintis anda menunjukkan butir-butir dan maklumat-maklumat yang diperolehi seperti yang ditunjukkan dalam jadual yang berikut. Daripada maklumat-maklumat yang diperolehi sediakan satu soalselidik yang sahih berdasarkan faktor-faktor yang diperolehi.
- (ii) Namakan faktor 1, 2 dan 3 berdasarkan ciri persamaan yang terdapat pada tiap-tiap item.
- (iii) Perbaiki sifat nama yang tidak jelas dan tidak bertentangan bagi item-item yang perlu dibaiki.
- (iv) Apakah kelemahan-kelemahan dan kebaikan-kebaikan yang terdapat pada soalselidik yang berskala pembezaan semantik.

Jadual Bagi Soalan No. 2Skala Faktor Keberatan (loading) Bagi Tiga Bidang Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran

Pembolehubah	Faktor 1	Faktor 2	Faktor 3
dihormati - tidak dihormati	8.65115	-0.16728	-0.27437
disukai - dibenci	0.81122	-0.11016	-0.20262
asal - stereotaip	0.58935	-0.13015	-0.17544
demokratik - autokratik	0.41110	-0.18809	-0.09651
seronok - tidak seronok	0.67022	-0.19743	-0.10288
tidak teratur - sistematik	-0.08611	0.54563	0.11623
pasif - aktif	-0.29236	0.60892	0.15294
bertenaga - lemah	-0.32716	0.24052	0.52150
produktif - membazir	-0.33262	0.26338	0.53538
berjaya - gagal	0.56977	-0.35884	-0.32267
tidak memperdulikan - mengambil tahu	-0.09640	0.61149	0.30713
bolehsuai - tidak bolehsuai	-0.27207	-0.16690	0.51668
mustahil - mungkin	0.00480	0.52687	0.27989
pasti - tidak pasti	0.35661	-0.23271	-0.23048
bertimbangrasa - tidak	0.37344	-0.26369	-0.30448
bertekun - tidak bertekun	-0.25425	0.23858	0.55311
menakutkan - menggalakkan	-0.14623	0.64716	0.20088
inisiatif - mematuhi	-0.03775	0.26904	0.62785
konservatif - progresif	-0.14926	0.49070	0.17524
berguna - tidak berguna	0.30960	-0.33285	-0.50786

...4/-

Pembolehubah	Faktor 1	Faktor 2	Faktor 3
menarikkan - menjijikkan	0.50445	-0.38697	-0.40436
imajinatif - tidak imajinatif	0.32467	-0.31142	-0.33232
tidak bernikmat - bernikmat	-0.18419	0.30267	0.09493
merangsang - jemu	0.34032	-0.21040	-0.29625
menggembirakan - menjemukan	0.311443	-0.28248	-0.34215
berterus terang - menggelirukan	0.28874	-0.23910	-0.25637
cepat - tidak cepat	0.42895	-0.30123	-0.36093
tidak berdaya - berdaya cipta	-0.21369	0.27475	0.67629
statik - dinamik	-0.11953	0.60563	0.23062
mengecewakan - memuaskan	-0.26649	0.66997	0.21878

(40 markah)

...5/-

BAHAGIAN B

Pilih hanya DUA soalan sahaja dari Bahagian B.

3. (a) Di negara ini ramai penyelidik menggunakan pensampelan rawak berlapis untuk memilih sampel kajian. Kenapa pensampelan rawak berlapis ini amat popular di negara ini?
- (b) Katakanlah populasi kajian yang anda hendak itlakkan mengandungi pecahan berdasarkan butir-butir seperti berikut:

Pra-Sekolah atau Tidak	Bangsa		
	Melayu	Cina	India
Pra-Sekolah	100	200	30
Tanpa Pra-Sekolah	400	200	70
<b>JUMLAH</b>	<b>500</b>	<b>400</b>	<b>100</b>

Daripada pecahan populasi di atas jelaskan langkah-langkah untuk mendapatkan 10% sampel rawak mengikut kadar pecahan populasi.

- (c) Ada berbagai-bagai cara untuk menentukan besar sampel yang hendak dipilih untuk kajian. Jelaskan dua cara yang biasa digunakan dalam penyelidikan dan jelaskan juga langkah-langkah untuk menyediakan salah satu daripada cara tersebut.
- (d) Apakah jenis pensampelan yang sesuai digunakan untuk mengkaji tingkahlaku murid anda yang lemah dalam matapelajaran tertentu. Jelaskan prosedur untuk menyediakan pensampelan tersebut dan beri kebaikan dan kelemahan pensampelan jenis demikian.

(30 markah)

...6/-